



29 Mac 2013  
29 March 2013  
P.U. (A) 116

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN  
DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (KUARANTIN DAN  
PEMERIKSAAN) 2013

*MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES  
(QUARANTINE AND INSPECTION) REGULATIONS 2013*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011  
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN) 2013

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II  
PEMERIKSAAN

3. Maklumat ketibaan pengangkut
4. Orang memasuki Malaysia
5. Pemeriksaan bagasi
6. Mel dan kiriman
7. Kewajipan mengemukakan manifes masuk, nombor bil muatan dan invois
8. Pemeriksaan pengangkut
9. Pengemukaan dokumen import oleh pemunya
10. Pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas dsb. yang diimport
11. Pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas dsb. dalam transit
12. Pengambilan sampel
13. Ketidakpatuhan
14. Pengemukaan dokumen eksport oleh pemunya
15. Pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas dsb. yang hendak dieksport
16. Pemeriksaan bagasi bagi orang yang meninggalkan Malaysia

BAHAGIAN III

KUARANTIN

17. Permohonan pengisytiharan premis kuarantin
18. Kelulusan pengisytiharan premis kuarantin
19. Pembatalan pengisytiharan premis kuarantin
20. Permohonan dan arahan kuarantin
21. Tempoh kuarantin
22. Tanggungjawab pemunya binatang hidup yang dikuarantinkan
23. Penggunaan kemudahan dengan baik
24. Larangan perbuatan tertentu tanpa kelulusan
25. Pemeriksaan premis kuarantin
26. Penyenggaraan rekod
27. Kewajipan melapor
28. Pelupusan
29. Pelepasan daripada kuarantin

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

30. Penalti am

AKTA PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN  
MALAYSIA (KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2013.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pemunya”—

(a) berkenaan dengan barang-barang, termasuklah penerima konsain, pemberi konsain, pengimport, pengeksport dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai kepentingan benefisial dalam, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan; dan

- (b) berkeenaan dengan vesel, termasuklah tiap-tiap orang yang bertindak sebagai ejen bagi pemunya atau yang menerima tambang muatan atau caj-caj lain yang kena dibayar berkeenaan dengan vesel itu;

“ejen” ertinya mana-mana orang yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Pendaftaran Pengimport, Pengeksport dan Ejen) 2013;

“pengimport” termasuklah pemunya atau mana-mana orang yang membawa atau menyebabkan supaya dibawa ke dalam Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

“pengeksport” termasuklah pemunya atau mana-mana orang yang membawa atau menyebabkan supaya dibawa ke luar Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan; dan

“dalam transit” ertinya diambil atau dihantar dari mana-mana negara dan dibawa masuk ke dalam Malaysia melalui darat, laut, perairan pedalaman atau udara, sama ada didaratkan atau dipindahkapalkan di Malaysia atau tidak, dengan maksud hanya untuk dibawa ke negeri lain sama ada dengan pengangkut yang sama atau yang lain.

## BAHAGIAN II PEMERIKSAAN

### **Maklumat ketibaan pengangkut**

3. Mana-mana orang yang menjaga pengangkut yang tiba di pintu masuk hendaklah, sama ada dengan sendiri atau melalui ejen pengangkut itu, dengan sertamerta—

- (a) melaporkan kepada pegawai penguat kuasa ketibaan pengangkut itu;

- (b) memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pengangkut itu, kargo, anak kapal, penumpang dan perjalanan sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai penguat kuasa; dan
- (c) mengisytiharkan semua tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma dan makanan di dalam pengangkut itu dalam borang pengisytiharaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Orang memasuki Malaysia**

4. (1) Mana-mana orang yang memasuki Malaysia hendaklah mengisytiharkan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan dalam milikannya.

(2) Mana-mana orang yang enggan atau gagal membuat pengisytiharan di bawah subperaturan (1) atau dengan pengetahuan membuat pengisytiharan palsu melakukan kesalahan dan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan yang dijumpai dalam milikannya boleh disita.

### **Pemeriksaan bagasi**

5. (1) Mana-mana orang yang memasuki Malaysia hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana pegawai penguat kuasa, membenarkan bagasinya diperiksa oleh pegawai penguat kuasa dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemeriksaan bagasi hendaklah dilakukan dengan kehadiran pemunya bagasi tersebut.

### **Mel dan kiriman**

6. (1) Pemunya sesuatu mel atau kiriman hendaklah mengisytiharkan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau

makanan yang terdapat dalam mel atau kiriman itu dalam borang pengisytiharan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana pemunya yang enggan atau gagal membuat pengisytiharan di bawah subperaturan (1) atau dengan pengetahuan membuat pengisytiharan palsu melakukan kesalahan dan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan yang dijumpai hendaklah disita.

### **Kewajipan mengemukakan manifest masuk, nombor bil muatan dan inois**

7. (1) Seseorang yang menjaga pengangkut atau ejen kepada pengangkut yang tiba melalui mana-mana pintu masuk hendaklah, sebelum pemunggahan apa-apa kargo, dengan serta-merta mengemukakan kepada pegawai penguat kuasa manifes masuk, nombor bil muatan atau inois pengangkut itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi maksud pengisytiharan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan.

(2) Manifes masuk, nombor bil muatan atau inois itu serta salinan penduanya hendaklah disahkan oleh orang yang menjaga pengangkut atau ejen kepada pengangkut dan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) tanda, nombor dan senarai setiap bungkusan yang ingin dibawa ke pintu masuk;

(b) nama pemberi dan penerima konsain.

(3) Pegawai penguat kuasa boleh, dengan budi bicaranya, meminta senarai untuk keseluruhan kargo termasuklah senarai lengkap stor-stor yang terdapat di atas pengangkut.

(4) Seseorang yang menjaga pengangkut atau ejen kepada pengangkut yang tiba di mana-mana pintu masuk semasa dalam transit hendaklah mengemukakan kepada pegawai penguat kuasa satu salinan manifes masuk, nombor bil muatan atau

invois bagi maksud pengisytiharan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan dalam transit di pintu masuk.

### **Pemeriksaan pengangkut**

8. (1) Pegawai penguat kuasa boleh menaiki pengangkut bagi maksud pemeriksaan dan tatacara kuarantin.

(2) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan di dalam pengangkut hendaklah diperiksa mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan di dalam pengangkut tidak boleh dipindahkan tanpa kelulusan pegawai penguat kuasa.

(4) Jika pegawai penguat kuasa semasa pemeriksaan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu mengandungi, mempunyai atau dijangkiti apa-apa perosak atau penyakit, tidak diisytiharkan atau menyalahi undang-undang, dia boleh mengambil tindakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 13.

(5) Jika pegawai penguat kuasa telah mengambil tindakan di bawah subperaturan (4), pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu hendaklah mengakui tindakan pegawai penguat kuasa itu melalui apa-apa borang akuan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Pengemukakan dokumen import oleh pemunya**

9. (1) Pemunya apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan, apabila dikehendaki oleh pegawai penguat kuasa, hendaklah mengemukakan apa-apa dokumen import seperti yang berikut:



- (a) borang pengisytiharan sebagaimana ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) permit import atau lesen import;
- (c) apa-apa dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan yang tidak mempunyai dokumen import bolehlah ditolak kemasukannya.

(3) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan yang tidak mematuhi syarat-syarat import hendaklah—

- (a) ditolak kemasukannya; atau
- (b) tertakluk kepada tatacara kuarantin.

### **Pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas dsb. yang diimport**

10. (1) Pegawai penguat kuasa boleh memberhentikan dan menahan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan, orang atau pengangkut, termasuklah mel, kiriman dan bagasi bagi maksud melakukan pemeriksaan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Segala tenaga kerja dan kemudahan yang dikehendaki untuk melakukan pemeriksaan hendaklah disediakan oleh pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu.

(3) Pegawai penguat kuasa boleh mengarahkan pemunya untuk membawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu ke tempat yang ditentukan untuk pemeriksaan.

(4) Pemeriksaan hendaklah dilakukan dengan kehadiran pemunya.

(5) Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan yang diimport boleh dipunggah daripada pengangkut atau dipindahkan dari mana-mana pintu masuk tanpa pemeriksaan dan kelulusan pegawai penguat kuasa.

### **Pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas dsb. dalam transit**

11. (1) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan dalam transit hendaklah tertakluk kepada pemeriksaan sebagaimana di bawah peraturan 10.

(2) Jika pegawai penguat kuasa semasa pemeriksaan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan dalam transit itu mengandungi, mempunyai atau dijangkiti apa-apa perosak atau penyakit, tidak diisytiharkan, menyalahi undang-undang atau tidak mematuhi dokumen transit, dia boleh mengambil tindakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 13.

(3) Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan dalam transit boleh dibuka, dibahagikan, dicampurkan dengan konsainan lain atau dibungkus semula di pintu masuk tanpa kelulusan pegawai penguat kuasa.

(4) Pergerakan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan dalam transit menuju ke destinasi yang ditentukan hendaklah mengikut arahan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Pengambilan sampel**

12. (1) Pegawai penguat kuasa boleh mengambil sampel apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain.

(2) Pemunya hendaklah mengakui mana-mana sampel yang telah diambil oleh pegawai penguat kuasa dengan menggunakan borang yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pemunya hendaklah membungkus dan menyimpan baki apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain setelah sampel diambil.

(4) Pegawai penguat kuasa boleh melupuskan mana-mana sampel yang telah diambil mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Pemunya boleh mendapatkan keputusan lengkap analisis dan ujian ke atas apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau benda lain dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah.

(6) Bagi maksud peraturan ini, pemunya hendaklah mematuhi apa-apa arahan pegawai penguat kuasa.

### **Ketidakpatuhan**

13. Jika pegawai penguat kuasa semasa pemeriksaan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu mengandungi, mempunyai atau dijangkiti apa-apa perosak atau penyakit, tidak diisytiharkan atau menyalahi undang-undang, tindakan yang berikut boleh diambil:

(a) menolak kemasukan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu;

(b) jika tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu mengandungi, mempunyai atau dijangkiti perosak atau penyakit, mengarahkan pemunya untuk membawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah,

mikroorganisma atau makanan itu ke kawasan yang telah ditentukan untuk tatacara kuarantin;

- (c) mengkuarantinkan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu;
- (d) menyita tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu; atau
- (e) menyita pengangkut.

#### **Pengemukakan dokumen eksport oleh pemunya**

14. (1) Pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan, apabila diperlukan oleh pegawai penguat kuasa, hendaklah mengemukakan dokumen eksport seperti yang berikut:

- (a) borang pengisytiharan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) permit eksport atau lesen eksport;
- (c) apa-apa dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan boleh dieksport tanpa mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) dan tanpa memenuhi sepenuhnya keperluan pengeksportan sebagaimana yang dikehendaki oleh negara pengimport.

#### **Pemeriksaan tumbuhan, binatang, karkas dsb. yang hendak dieksport**

15. (1) Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan boleh dieksport tanpa diperiksa terlebih dahulu oleh pegawai penguat kuasa.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh pegawai penguat kuasa.

(3) Segala tenaga kerja dan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan pemeriksaan hendaklah disediakan oleh pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan.

(4) Jika pegawai penguat kuasa semasa pemeriksaan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan tidak diisytiharkan atau maklumat yang dinyatakan dalam dokumen eksport tidak betul, dia boleh melarang pengeksportan atau menyita tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan itu.

(5) Pemeriksaan hendaklah dilakukan dengan kehadiran pemunya.

#### **Pemeriksaan bagasi bagi orang yang meninggalkan Malaysia**

16. (1) Mana-mana orang yang meninggalkan Malaysia dengan apa-apa bagasi yang mengandungi apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan hendaklah mengisytiharkan kandungan itu kepada pegawai penguat kuasa dan membenarkan bagasinya diperiksa.

(2) Bagasi boleh diperiksa dan diserahkan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dan menjadi tanggungjawab orang itu untuk mengemukakan, membuka, mengeluarkan barang dan mengemaskan semula bagasi itu.

## BAHAGIAN III

## KUARANTIN

**Permohonan pengisytiharan premis kuarantin**

17. (1) Tiada orang boleh menggunakan mana-mana premis bagi maksud kuarantin dan pemeriksaan melainkan jika premis itu telah diisytiharkan sebagai premis kuarantin oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah bagi mana-mana premis diisytiharkan sebagai premis kuarantin.

(3) Ketua Pengarah boleh, selepas menerima permohonan itu, menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa maklumat, butiran atau dokumen tambahan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Jika maklumat, butiran atau dokumen tambahan yang dikehendaki itu tidak dikemukakan dalam tempoh itu, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik tanpa menjejaskan suatu permohonan baharu.

(5) Ketua Pengarah boleh menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap, mengandungi maklumat palsu atau yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

**Kelulusan pengisytiharan premis kuarantin**

18. Ketua Pengarah boleh, apabila menerima sesuatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan 17(2), memeriksa premis itu dan jika dia berpuas hati bahawa premis itu telah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan, bolehlah meluluskan dan mengisytiharkan premis tersebut sebagai premis kuarantin bagi maksud kuarantin dan pemeriksaan.

**Pembatalan pengisytiharan premis kuarantin**

19. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana pengisytiharan premis kuarantin jika syarat-syarat kelulusan tidak dipatuhi.

**Permohonan dan arahan kuarantin**

20. (1) Pemunya apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma boleh memohon kemudahan kuarantin di stesen kuarantin secara bertulis daripada Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat tidak kurang empat belas hari sebelum tarikh pengimportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma itu.

(3) Jika permohonan diluluskan, Ketua Pengarah hendaklah menentukan cara, syarat, tempat dan tempoh kuarantin tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma itu.

(4) Bayaran yang tidak akan dipulangkan bagi penggunaan stesen kuarantin hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam masa empat puluh lapan jam selepas permohonan itu diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika sesuatu stesen kuarantin tidak dapat menjalankan kuarantin, Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan pemunya untuk membuat permohonan untuk menjalankan kuarantin di premis kuarantin.

(6) Jika pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma perlu dikuarantinkan, pegawai penguat kuasa hendaklah memberitahu pemunya melalui notis bertulis menyatakan cara, syarat, stesen kuarantin dan tempoh kuarantin sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(7) Walau apa pun subperaturan (6), pemunya boleh membuat permohonan untuk menjalankan kuarantin di premis kuarantin. Bagi maksud subperaturan ini, pemunya boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk mana-mana premis diisytiharkan sebagai premis kuarantin dan Ketua Pengarah bolehlah menentukan cara, syarat, tempat dan tempoh kuarantin.

(8) Permohonan di bawah subperaturan (7) hendaklah dibuat tidak kurang dari tujuh hari sebelum pengimportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma.

### **Tempoh kuarantin**

21. (1) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang menjalani kuarantin tidak boleh dilepaskan daripada stesen atau premis kuarantin, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga tempoh kuarantin telah selesai.

(2) Tempoh kuarantinkan adalah seperti yang berikut:

(a) sepuluh hari untuk binatang;

(b) tiga puluh hari untuk tumbuhan;

(c) tujuh hari untuk ikan.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh menentukan sesuatu tempoh kuarantin yang lain.

### **Tanggungjawab pemunya binatang hidup yang dikuarantinkan**

22. Pemunya atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab atas sesuatu binatang hidup hendaklah bertanggungjawab memperuntukkan makanan dan penjagaan binatang hidup itu sepanjang tempoh kuarantin dan hendaklah patuh kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan binatang itu.

### **Penggunaan kemudahan dengan baik**

23. Mana-mana orang yang menggunakan kemudahan kuarantin hendaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan kepada kemudahan kuarantin yang disebabkan olehnya.



**Larangan perbuatan tertentu tanpa kelulusan**

24. (1) Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma boleh dipindahkan daripada stesen kuarantin ke premis kuarantin dan begitu juga sebaliknya tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah.

(2) Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma boleh dibawa masuk ke dalam atau dibawa keluar daripada premis kuarantin tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah.

(3) Tiada seorang pun selain pegawai penguat kuasa dibenarkan masuk ke dalam mana-mana stesen kuarantin tanpa kelulusan Ketua Pengarah.

**Pemeriksaan premis kuarantin**

25. Pemunya premis kuarantin hendaklah membenarkan premis kuarantinnya diperiksa oleh pegawai penguat kuasa pada bila-bila masa berkenaan dengan –

(a) apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang dikuarantinkan; dan

(b) apa-apa rekod dan dokumen yang dikehendaki yang berhubungan dengan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang dikuarantinkan.

**Penyenggaraan rekod**

26. Pemunya premis kuarantin hendaklah menyenggara rekod bertulis tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang dikuarantinkan.

**Kewajipan melapor**

27. (1) Tiap-tiap pemunya premis kuarantin hendaklah mengemukakan laporan atau apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah berhubungan dengan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang dikuarantinkan.

(2) Jika pemunya premis kuarantin mendapati bahawa sesuatu tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma itu mengandungi, mempunyai atau dijangkiti apa-apa perosak atau penyakit, dia hendaklah melaporkan penemuan itu kepada Ketua Pengarah dengan serta-merta.

### **Pelupusan**

28. (1) Apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang didapati dijangkiti atau berpenyakit dan tidak boleh dirawat hendaklah dilupuskan mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemunya tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma hendaklah melaksanakan pelupusan mengikut apa-apa tatacara di bawah penyeliaan pegawai penguat kuasa.

### **Pelepasan daripada kuarantin**

29. Tiada tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma boleh dilepaskan daripada kuarantin tanpa surat akuan daripada Ketua Pengarah bahawa beliau berpuas hati bahawa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma itu telah menjalani kehendak kuarantin yang perlu.

## **BAHAGIAN IV**

### **PELBAGAI**

### **Penalti am**

30. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peraturan atau gagal untuk mematuhi arahan daripada pegawai penguat kuasa di bawah Peraturan-Peraturan ini, melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Dibuat 28 Mac 2013  
[KP/LA/483/12/1; PN(PU2)714]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES ACT 2011

MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES  
(QUARANTINE AND INSPECTION) REGULATIONS 2013

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

INSPECTION

3. Information on arrival of conveyance
4. Person entering Malaysia
5. Baggage inspection
6. Mail and courier
7. Duty to submit inward manifest, air-way bill and invoice
8. Inspection of conveyance
9. Submission of import documents by the owner
10. Inspection of imported plant, animal, carcass *etc.*
11. Inspection of plant, animal, carcass *etc.* in transit
12. Taking of samples
13. Non-compliance
14. Submission of export documents by the owner
15. Inspection of plant, animal, carcass *etc.* to be exported
16. Baggage inspection for person departing Malaysia

PART III  
QUARANTINE

17. Application for declaration of quarantine premises
18. Approval of declaration of quarantine premises
19. Revocation of declaration of quarantine premises
20. Application and directive for quarantine
21. Period of quarantine
22. Responsibilities of owner of live animals under quarantine
23. Proper use of facilities
24. Prohibition of certain acts without approval
25. Inspection of quarantine premises
26. Maintenance of records
27. Duty to report
28. Disposal
29. Release from quarantine

PART IV  
MISCELLANEOUS

30. General penalty

MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES ACT 2011

MALAYSIA QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES  
(QUARANTINE AND INSPECTION) REGULATIONS 2013

IN exercise of the powers conferred by section 49 of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 [*Act 728*], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysian Quarantine and Inspection Services (Quarantine and Inspection) Regulations 2013**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2013.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“owner”—

(a) in respect of goods, includes the consignee, consignor, importer, exporter and agent or person in possession of, or beneficially interested in, or having any control of, or power of disposition of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food; and

(b) in respect of a vessel, includes every person acting as agent for the owner or who receives freight or other charges payable in respect of the vessel;

“agent” means any person registered under the Malaysian Quarantine and Inspection Services (Registration of Importer, Exporter and Agent) Regulations 2013;

"importer" includes owner or any person who brings or causes to be taken into Malaysia by land, sea, inland waters or air of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food;

"exporter" includes owner or any person who brings or causes to be taken out of Malaysia by land, sea, inland waters or air of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food; and

"in transit" means taken or sent from any country and brought into Malaysia by land, sea, inland waters or air, whether or not landed or transshipped in Malaysia, for the sole purpose of being carried to another country either by the same or another conveyance.

## PART II INSPECTION

### **Information on arrival of conveyance**

3. Any person in charge of conveyance arriving at an entry point shall, either personally or through the agent of the conveyance, immediately—

- (a) report to the enforcement officer of the arrival of the conveyance;
- (b) give any information relating to the conveyance, cargo, crew, passenger and voyage as required by the enforcement officer; and
- (c) declare all plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism and food in the conveyance in a declaration form as may be determined by the Director General.

### **Person entering Malaysia**

4. (1) Any person entering Malaysia shall declare any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in his possession.

(2) Any person who refuses or fails to make a declaration under subregulation (1) or knowingly makes a false declaration commits an offence and any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food found in his possession may be seized.

### **Baggage inspection**

5. (1) Any person entering Malaysia shall, on demand by any enforcement officer, allow his baggage to be inspected by the enforcement officer in such manner as the Director General may determine.

(2) The inspection of the baggage shall be made in the presence of the owner of the baggage.

### **Mail and courier**

6. (1) An owner of a mail or courier shall declare any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food contained in the mail or courier in a declaration form as the Director General may determine.

(2) Any owner who refuses or fails to make a declaration under subregulation (1) or knowingly makes a false declaration commits an offence and any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food found shall be seized.

### **Duty to submit inward manifest, air-way bill and invoice**

7. (1) A person in charge of a conveyance or an agent of a conveyance arriving at any entry point shall, before any cargo is unloaded, immediately submit to the enforcement officer an inward manifest, air-way bill or invoice of the conveyance, as the case may be, for the purpose of declaration of plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food.

(2) The inward manifest, air-way bill or invoice together with its duplicate copy shall be certified by the person in charge of the conveyance or the agent of the conveyance and shall contain the following particulars:



(a) marks, numbers and list of each package intended to be landed at the entry point;

(b) the names of shippers and consignees.

(3) The enforcement officer may, at his discretion, demand a listing of the whole cargo including a complete list of stores on board the conveyance.

(4) A person in charge of a conveyance or an agent of a conveyance arriving at any entry point during transit shall submit to the enforcement officer a copy of the manifest, air-way bill or invoice for the purpose of declaration of plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in transit at the entry point.

### **Inspection of conveyance**

8. (1) An enforcement officer may board a conveyance for the purpose of inspection and quarantine procedures.

(2) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in the conveyance shall be inspected in such manner as the Director General may determine.

(3) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in the conveyance shall not be removed without approval of the enforcement officer.

(4) Where an enforcement officer during inspection has reasonable grounds to believe that any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food contains, harbours or is infested with any pest or disease, not declared or illegal, he may take action as provided for under regulation 13.

(5) Where the enforcement officer has taken action under subregulation (4), the owner of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or

food shall acknowledge the action by the enforcement officer in any acknowledgement form as the Director General may determine.

**Submission of import documents by the owner**

9. (1) The owner of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food, when required by an enforcement officer, shall produce any import document as follows:

(a) the declaration form as the Director General may determine;

(b) an import permit or import licence;

(c) any other relevant documents as required by the Director General.

(2) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food that does not have import document may be refused entry.

(3) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food that does not meet the import requirements shall be—

(a) refused entry; or

(b) subject to quarantine procedures.

**Inspection of imported plant, animal, carcass etc.**

10. (1) An enforcement officer may stop and hold any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food, person or conveyance, including mail, courier and baggage for the purpose of carrying out inspection in such manner as the Director General may determine.

(2) All labour and facilities required in carrying out the inspection shall be provided by the owner of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food.

(3) The enforcement officer may direct the owner to bring the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food to the designated place for inspection.

(4) The inspection shall be carried out in the presence of the owner.

(5) No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food imported shall be unloaded from the conveyance or removed from any entry point without inspection and approval of the enforcement officer.

### **Inspection of plant, animal, carcass *etc.* in transit**

11. (1) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in transit shall be subject to inspection as under regulation 10.

(2) Where an enforcement officer upon inspection has reasonable grounds to believe that any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in transit contains, harbours or is infested with any pest or disease, is not declared, illegal or does not comply with documentation of transit, he may take actions as provided for under regulation 13.

(3) No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in transit shall be opened, split up, combined with other consignments or repackaged at the entry point without the approval of the enforcement officer.

(4) The movement of plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food in transit to the designated destination shall be in accordance with the directives as the Director General may determine.

### **Taking of sample**

12. (1) An enforcement officer may take samples of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or other article.

(2) Owner shall acknowledge any sample taken by the enforcement officer using the form as may be determined by the Director General.

(3) Owner shall pack and keep the remainder of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or other article after samples have been taken.

(4) An enforcement officer may dispose of any sample that has been taken in such manner as the Director General may determine.

(5) The owner may obtain the complete result of the analysis and test on any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or other article by an application in writing to the Director General.

(6) For the purpose of this regulation, an owner shall comply with any directive of the enforcement officer.

### **Non-compliance**

13. (1) Where an enforcement officer upon inspection has reasonable grounds to believe that any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food contains, harbours or is infested with any pest or disease, is not declared or illegal, the following actions may be taken:

(a) refuse the entry of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food;

(b) if the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food contains, harbours or is infested with any pest or disease, direct the owner to bring the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food to the designated place for quarantine procedures;

- (c) quarantine the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food;
- (d) seize the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food; or
- (e) seize the conveyance.

**Submission of export documents by the owner**

14. (1) The owner of a plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food, when required by an enforcement officer, shall produce the export document as follows:

- (a) the declaration form as may be determined by the Director General;
- (b) an export permit or export licence;
- (c) any other relevant documents as required by the Director General.

(2) No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food shall be exported without complying of the requirements under subregulation (1) and without completely fulfilling the export requirements as required by the importing country.

**Inspection of plant, animal, carcass *etc.* to be exported**

15. (1) No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food shall be exported without first being inspected by the enforcement officer.

(2) For the purpose of subregulation (1), the owner of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food shall comply with any directive given by the enforcement officer.

(3) All labour and facilities necessary in carrying out the inspection shall be provided by the owner of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food.

(4) Where the enforcement officer upon inspection has reasonable grounds to believe that the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food is not declared or the information stated in the documentation of export is not consistent, he may prohibit the exportation of or seize the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food.

(5) The inspection shall be carried out in the presence of the owner.

#### **Baggage inspection for person departing Malaysia**

16. (1) Any person departing Malaysia with any baggage containing any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil, microorganism or food shall declare such contents to the enforcement officer and allow his baggage to be inspected.

(2) The baggage may be examined and delivered in such manner as the Director General may direct, and it shall be the duty of the person to produce, open, unpack and repack the baggage.

### PART III QUARANTINE

#### **Application for declaration of quarantine premises**

17. (1) No person shall use any premises for the purposes of quarantine and inspection unless such premises has been declared as quarantine premises by the Director General.

(2) Any person may apply in writing to the Director General for any premises to be declared as a quarantine premises.

(3) The Director General may after receiving the application, require the applicant to furnish any additional information, particulars or document within such period as the Director General may determine.

(4) If the additional information, particulars or document required are not furnished within the period, the application shall be deemed to have been withdrawn without prejudice to a new application.

(5) The Director General may reject any application that is incomplete, having false information or that does not meet the conditions as specified by the Director General.

#### **Approval of declaration of quarantine premises**

18. The Director General may, upon receiving an application made under subregulation 17(2), inspect the premises and if he is satisfied that the premises complies with the specified conditions, may approve and declare the premises as a quarantine premises for the purpose of quarantine and inspection.

#### **Revocation of declaration of quarantine premises**

19. The Director General may at any time, revoke any declaration of a quarantine premises if the approval conditions are not complied with.

#### **Application and directive for quarantine**

20. (1) An owner of any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism may apply for quarantine facilities at a quarantine station in writing from the Director General.

(2) An application under subregulation (1) shall be made not less than fourteen days before the date of the importation of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism.

(3) If the application is approved, the Director General shall determine the manner, condition, place and period of quarantine of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism.

(4) A non-refundable payment for the use of the quarantine station shall be made to the Director General within forty eight hours after the application is approved by the Director General.

(5) If a quarantine station is unavailable, the Director General shall direct the owner to make an application to carry out the quarantine at a quarantine premises.

(6) If an enforcement officer has reasonable grounds to believe that any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism has to be quarantined, the enforcement officer shall notify the owner by notice in writing specifying the manner, condition, quarantine station and period of quarantine as the Director General may determine.

(7) Notwithstanding subregulation (6), an owner may make an application to carry out the quarantine at a quarantine premises. For the purpose of this subregulation, an owner may apply in writing to the Director General for any premises to be declared as quarantine premises and the Director General may determine the manner, condition, place and period of quarantine.

(8) An application under subregulation (7) shall be made not less than seven days before the importation of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism.

### **Period of quarantine**

21. (1) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism that is under quarantine shall not be released from the quarantine station or premises, as the case may be, until the period of quarantine has been completed.



(2) The periods of quarantine are as follows:

(a) ten days for animal;

(b) thirty days for plant;

(c) seven days for fish.

(3) Notwithstanding subregulation (2), the Director General may determine other quarantine periods.

### **Responsibilities of owner of live animals under quarantine**

22. The owner or any other person in charge of a live animal shall be responsible for provision of food and care for the live animal throughout the period of quarantine and shall comply with any directive given by the Director General in respect of the animal.

### **Proper use of facilities**

23. Any person using the quarantine facilities shall be responsible for any damages caused by him to the quarantine facilities.

### **Prohibition of certain acts without approval**

24. (1) No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism shall be transferred from a quarantine station to a quarantine premises and vice versa without written approval of the Director General.

(2) No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism shall be brought into or brought out of a quarantine premises without a written approval of the Director General.

(3) No person other than an enforcement officer is allowed to enter into any quarantine station without approval of the Director General.

### **Inspection of quarantine premises**

25. An owner of a quarantine premises shall allow his quarantine premises to be inspected by an enforcement officer at any time in respect of—

- (a) any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism under quarantine; and
- (b) any record and document required relating to the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism under quarantine.

### **Maintenance of records**

26. An owner of a quarantine premises shall maintain written records of plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism under quarantine.

### **Duty to report**

27. (1) Every owner of a quarantine premises shall submit a report or any information as required by the Director General in relation to the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism under quarantine.

(2) If an owner of a quarantine premises discovers that a plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism contains, harbours or is infested with pest or disease, he shall report such discovery to the Director General immediately.

### **Disposal**

28. (1) Any plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism found to be infested or diseased and cannot be treated shall be disposed of in such manner as the Director General thinks fit.

(2) The owner of the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism shall perform the disposal in accordance with any procedures under the supervision of an enforcement officer.

**Release from quarantine**

29. No plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism shall be released from quarantine without a letter of acknowledgement from the Director General that he is satisfied that the plant, animal, carcass, fish, agricultural produce, soil or microorganism has undergone the necessary quarantine requirements.

PART IV  
MISCELLANEOUS

**General penalty**

30. Any person who contravenes any regulation or fails to comply with the directive of the enforcement officer under these Regulations, commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

Made 28 March 2013  
[KP/LA/483/12/1; PN(PU2)714]

DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
*Minister of Agriculture and Agro-Based Industry*